

Anggap perang satu jenayah

B-H 25/10/08 M15 12

KUALA LUMPUR: Masyarakat dunia perlu memandang serius peperangan dengan menjadikannya satu jenayah, dalam usaha untuk mengelak krisis berkenaan terus berleluasa sehingga memberi kesan buruk kepada umat manusia pada masa depan.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kesalahan mereka yang terbabit melakukan jenayah perang tidak wajar dipandang ringan dan hukuman berat

perlu dikenakan terhadap mereka.

Katanya, dunia harus perlu sentiasa diingatkan mengenai kematian mereka yang tidak berdosa kerana perbuatan penjenayah perang supaya tidak terus dikaburi dengan idea bahawa membunuh dan memusnahkan negara orang adalah cara terbaik menyelesaikan masalah antara negara.

“Setiap individu mengangap membunuh adalah satu jenayah serius yang sepatut-

nya dikenakan hukuman paling berat. Bagaimana pula dengan pembunuhan beramai-ramai sehingga memusnahkan kampung dan bandar,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap pada majlis Makan Malam Amal Diraja, Yayasan Kuala Lumpur Untuk Menjenayahkan Perang, di sini, semalam. Turut berangkat, Yang di-Per-tuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.



SERI PADUKA merasmikan majlis Makan Malam Amal Diraja Yayasan Kuala Lumpur Untuk Menjenayahkan Perang sambil diperhatikan Dr Mahathir, di Kuala Lumpur, semalam.